



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)



KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

TENDER CADANGAN PEROLEHAN PERKAKASAN, PERISIAN DAN RANGKAIAN BAGI MAKTAB RENDAH SAINS MARA BERA, PAHANG.

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
30/2020	210101, 210102, 210103, 210105 dan 210107	08/12/2020 Hingga 21/12/2020	Tarikh Taklimat Tender : 22/12/2020 11.00 pagi MRSM BERA Lot PT Bera/2/B/206/15 Bandar Bera 34, Mukim Triang, Daerah Bera, Pahang.	RM 60.00	13/01/2021 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (9.00 pagi - 3.00 petang) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (Kaunter Tender), LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>